

Dirgahayu Malaysia
Selamat Hari Kebangsaan Ke-68!

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 28 OGOS - 3 SEPTEMBER 2025

mediaselangor.com

Baucar buku RM200 **tingkatan enam**

MUKA
2

Ahli Persatuan Reka Ulang Sejarah yang mengenakan seragam Askar Melayu zaman British dan tentera Jepun pada zaman Perang Dunia Kedua bersemangat mengibar Jalur Gemilang sempena sambutan Bulan Kemerdekaan di Kampung Sungai Jai, Hulu Langat pada 16 Ogos 2025.
Foto AHMAD ZAKKI JILAN

► RENCANA MUKA 12 & 13



Saksikan Siaran Langsung

MAJLIS 10 TAHUN

Hadiah **Sastera Selangor**

10 SEPTEMBER 2025

7:00 MALAM - 11:00 MALAM

HOTEL WYNDHAM ACMAR KLANG

di Laman Sesawang

www.mediaselangor.com



Sekolah menegak tampung keperluan

SHAH ALAM - Selangor menyokong pembinaan sekolah menegak seperti dicadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi menampung keperluan pendidikan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata cadangan itu boleh dilaksanakan khususnya di kawasan berkepadatan tinggi, malah kaedah tersebut turut digunakan di negara maju.

"Secara asasnya sekolah menegak ini banyak digunakan di negeri maju dan saya percaya ia boleh digunakan tetapi perlu mengikut garis panduan disediakan khususnya Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia).

"Di Selangor sendiri memang dalam kebenaran merancang perlu sediakan sekolah seperti di Rumah Idaman Bukit Jelutong terdapat sekolah dan tadika yang jaraknya kurang dari 100 meter," katanya pada 25 Ogos.

Percepat terap budaya AI

PETALING JAYA - Perkhidmatan Multiawar Selangor (SMC) bakal mempercepat penerapan budaya kecerdasan buatan (AI), sekali gus memacu transformasi digital ke arah negeri pintar, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata inisiatif itu juga bakal meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam selain anak syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI meliputi aspek perumahan, sistem air, pengurusan sisa pepejal dan teknologi digital.

Bermula dengan MBI dan anak syarikat bagi suku ketiga tahun ini, jelasnya, penggunaan SMC akan diperluas berperingkat kepada agensi negeri, pihak berkuasa tempatan dan institusi lain dengan kesediaan operasi penuh selewat-lewatnya suku keempat tahun depan.

"Ia juga akan mengurangkan kos pentadbiran, agar lebih banyak peruntukan negeri dapat disalurkan kepada pendidikan, kesihatan dan infrastruktur selain menjamin keselamatan data peribadi."

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Gali semula kubur pelatih Palapes

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menyambut baik perintah mahkamah yang membenarkan kubur pelatih Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) digali semula.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pihaknya menyokong tindakan tersebut malah dizahirkan dari awal semasa menziarahi keluarga Allahyarham Syamsul Haris Shamsudin, 22, pada 15 Ogos.

"Tidak ada masalah. Kita ikut perintah mahkamah. Kita sokong (dari awal) sebab itu kita ziarah keluarga sebelum ini," katanya pada 26 Ogos.

Mahkamah Tinggi di sini memerintahkan kubur pelatih Palapes yang dikuburkan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Rinching Ulu di Semenyih, Hulu Langat digali semula.

Hakim Datuk Bhupindar Singh Gurcharan Singh Preet memutuskan demikian selepas membenarkan permohonan

ibu Syamsul Haris, Ummu Haiman Bee Daulatgun, 45, lapor Bernama.

Semasa membaca keputusan berkeputusan, Bhupindar Singh berkata responden pertama iaitu ketua polis negara atau pegawainya akan menyelia proses penggalian semula bagi menjalankan bedah siasat kedua.

"Responden pertama boleh mendapatkan bantuan mana-mana pihak lain yang berkenaan jika difikirkan perlu," katanya dalam prosiding keputusan.

Turut terima bantuan RM150

Baucar buku RM200 buat tingkatan enam

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Pemberian Baucar buku Kita Selangor yang sebelum ini diagih kepada mahasiswa kini diperluas kepada pelajar tingkatan enam, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menjelaskan peluasan baucar bernilai RM200 itu akan dibuat dalam masa terdekat bagi membantu pelajar membeli buku rujukan dan mekanisme permohonan diumumkan pada akhir Oktober.

"Kita akan kira balik berapa jumlah pelajar tingkatan enam di Selangor

yang (akan) terima manfaat. Data diberi dalam masa terdekat," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan Bantuan Awal persekolahan (BAP) kepada pelajar tingkatan enam di Kolej Tingkatan Enam Shah Alam di sini pada 25 Ogos.

Sebelum ini, Selangor memberi e-baucar buku RM200 kepada 1,000 pelajar insitutsi pengajian tinggi awam dan swasta hasil dana RM200,000 daripada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

Selain baucar, Amirudin berkata 5,965 pelajar tingkatan enam daripada 37 Pusat Tingkatan Enam di negeri ini menerima BAP RM150 seorang ha-

sil peruntukan kerajaan persekutuan RM894,750.

Katanya, pentadbiran negeri juga memperkenalkan insentif kecemerlangan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) kepada pelajar yang mendapat keputusan cemerlang.

"Sebagai permulaan, tahun ini seramai 15 pelajar cemerlang menerima RM1,000. Tahun hadapan kita akan pilih 15 hingga 20 pelajar terbaik," katanya.

"Kita memang ada peruntukan tetapi untuk tahun depan perlu lihat semula berapa dana diperlukan. Jumlah peruntukan akan dimasukkan dalam belanjawan akan datang," katanya.

Kerjasama pembangunan pustaka

SHAH ALAM - Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dan Perpustakaan Negara Republik Kazakhstan menandatangani surat kerjasama dan persefahaman di Almaty pada 24 Ogos.

Dato' Menteri Besar berkata kerjasama pintar itu membuka ruang perkongsian idea, ilmu dan pengalaman terutama dalam bidang literasi digital, pengurusan sumber maklumat, pembangunan kapasiti komuniti perpustakaan serta pertukaran koleksi bahan rujukan.

Jelas Dato' Seri Amirudin Shari, Kedutaan Kazakhstan di Malaysia turut

memainkan peranan penting bagi merealisasikan program silang budaya, pendidikan serta usaha memperkukuh hubungan dua hala dalam bidang perpustakaan.

"Dalam sesi ini, Selangor turut berkongsi usaha kami di bawah Institut Buku Darul Ehsan (IBDE) yang giat menterjemah karya agung sarjana Islam seperti tulisan Imam Al-Ghazali dan Muhammad karya Martin Lings.

"Kita juga sedang mempertimbangkan tokoh besar kelahiran Kazakhstan, Al-Farabi, untuk terjemahan seterusnya,

PPAS juga beri tumpuan kepada pembangunan literasi awal melalui penganjuran Pesta Buku Kanak-kanak sebagai platform menggalakkan budaya membaca sejak usia kecil," katanya.

Sempena lawatan empat hari bermula 21 Ogos, Amirudin bersama delegasi negeri turut bertemu pengerusan Perpustakaan Negara Republik Kazakhstan diketuai Pengerusi Jawatankuasa Arkib, Dokumentasi dan Urusan Buku Kementerian Kebudayaan dan Maklumat Republik Kazakhstan, Rustam Ali.

Bawa MyKad tuntutan belian RM100

SHAH ALAM - Seramai 22 juta rakyat Malaysia layak automatik menerima Sumbangan Asas Rahmah (SARA) RM100 berdasarkan data daripada MyKad.

Insentif berkenaan membolehkan penerima membeli 14 kategori barangan makanan asas antaranya beras dan telur, produk kebersihan rumah,

ubat-ubatan, keperluan sekolah dan kebersihan diri.

Lebih 4,500 premis runcit berdaftar untuk berbelanja antaranya pasar raya Giant, Mydin, Bataras, C mart, TF Value dan lokasi akan ditambah dari semasa ke semasa.

Pengguna diingatkan membawa

MyKad untuk pembayaran dan memilih barangan berlabel SARA di rak. Semakan status di [checkstatus](http://checkstatus.mykasih.net/sara2/)

Bantuan SARA RM100 akan disalurkan dalam MyKad penerima mulai 31 Ogos sempena Hari Kebangsaan dan boleh digunakan hingga hujung tahun ini.



Selamat Menyambut
HARI
KEBANGSAAN
68
KE-

Rakyat Disantuni

YAB DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR



KITASELANGOR

Terus guna aplikasi Flexi Parking

SHAH ALAM - Aplikasi Flexi Parking masih digunakan tiga pihak berkuasa tempatan yang melaksanakan kutipan menerusi sistem Parkir Pintar Selangor (SIP) bermula 1 Ogos lalu.

EXCO Pembudayaan Inovasi Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata penggunaan aplikasi itu diteruskan sehingga keputusan rasmi dibuat Kerajaan Negeri.

"Buat masa ini Flexi Parking masih boleh digunakan sehingga keputusan dibuat di peringkat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

"Perlu ada kerangka untuk penggunaannya dan ia masih belum dibentang, namun kita berharap dengan pelaksanaannya dapat tingkat penguatkuasaan selain mempunyai kaedah yang kemas dan teratur," katanya.

Beliau turut menegaskan tiada kenaikan caj parkir dikenakan biarpun sistem SIP yang dilengkapi dengan teknologi kamera litar tertutup (CCTV) dilaksanakan.

Bantu penjaja mohon tapak niaga

PETALING JAYA - Seramai 17 penjaja berlesen di kawasan Lembah Subang 1 memohon tapak gerai baharu yang disediakan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) susulan kerja-kerja pengalihan gerai pada 20 Ogos.

Menurut wakil rakyat Seri Setia, Dr Mohammad Fahmi Ngah, pengalihan itu membabitkan 64 gerai penjaja yang beroperasi lebih 20 tahun di kawasan tersebut.

"Langkah ini diambil kerana tapak asal bukan kawasan yang diwartakan untuk aktiviti penjajaan. Ia sebenarnya laluan jalan empat lorong dan MBPJ juga akan membina laluan pejalan kaki berbumbung yang menghubungkan ke stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Lembah Subang.

"Hasrat kita adalah untuk melihat penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang menikmati kemudahan perumahan yang lebih terancang dan selesa," katanya selepas melawat tapak berkenaan baru-baru ini.

Beliau yang juga EXCO negeri menjelaskan struktur gerai yang menutup longkang kawasan berkenaan turut menjadi punca utama banjir kerana sistem perparitan tidak dapat disenggara dengan baik.

60 peratus tahfiz boleh operasi

SHAH ALAM - Sebanyak 60 peratus daripada 606 pusat tahfiz persendirian di Selangor memperoleh Kebenaran Operasi Bertempoh (KOB) yang melayakkan mereka beroperasi secara sah sementara setakat 19 Ogos.

EXCO hal ehwal agama islam berkata pusat tahfiz yang menerima KOB dibenar beroperasi tiga tahun sebelum memperoleh kebenaran merancang (KM) daripada pihak berkuasa tempatan.

Menurut Dr Mohammad Fahmi Ngah, KOB disifatkan lebih praktikal dan tidak membebankan pengusaha untuk

meneruskan operasi dalam keadaan selamat sebelum layak mendapat KM.

"Baki 40 peratus lagi (pusat tahfiz) kita beri tempoh dua bulan kepada pengusaha sehingga 1 Oktober ini untuk mereka berdaftar, jika tidak operasi pemutihan akan dilaksana.

"Sebanyak 127 pusat tahfiz persendirian memilih untuk tutup operasi secara sukarela atas beberapa kekangan yang tidak dapat dielakkan," katanya kepada Media Selangor.

Bagi membenarkan sekolah aliran agama persendirian meneruskan ope-

rasi, Dr Mohammad Fahmi berkata beberapa syarat turut dilonggarkan bagi memudahkan pengusaha.

"Untuk mendapat KM, pengusaha perlu mematuhi empat syarat utama iaitu daripada aspek tanah, bangunan, penyediaan makanan dan kesihatan tetapi kita longgarkan sedikit.

"Sebagai contoh cukup untuk pusat tahfiz itu ada alatan pemadam api berbanding sebetulnya wajib ada penyiram automatik kebakaran. Dalam tempoh tiga tahun perlu berusaha memasang alatan itu."

Utama keselamatan penduduk

Tidak perlu lapang terbang

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Tiada kelulusan diberikan bagi sebarang peluasan operasi di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang dengan keselamatan dan kesejahteraan penduduk sekitar sentiasa menjadi keutamaan, tegas EXCO pembangunan inovasi.

Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata perkara itu selari pengumuman perdana menteri dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang menekankan pengembangan operasi seharusnya dipindahkan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah



umumkan dalam RMK13 bahawa sebarang peluasan operasi Lapangan Terbang Subang harus dipindahkan ke KLIA.

"Kita memang tidak memberi kelulusan tambahan di lapangan terbang berkenaan. Penduduk tidak perlu khuatir," katanya kepada Media Selangor.

Mengulas rungutan orang ramai berhubung operasi selepas waktu kerja serta helikopter yang terbang rendah, beliau berkata pihaknya bersama ahli Parlimen Subang akan membawa perkara itu kepada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).

Jelasnya, operator Penyelenggaraan,

Pembaikan dan Baik Pulih (MRO) juga tidak dibenarkan beroperasi melebihi waktu biasa, manakala aduan gangguan bunyi perlu terus dilaporkan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk tindakan segera.

"Kita harap MBSA dapat kuat kuasa larangan operasi selepas waktu biasa iaitu antara jam 9 pagi hingga 6 petang.

"CAAM pula mempunyai kuasa dan mekanisme untuk menyemak sama ada helikopter terbang pada altitud yang tepat," jelasnya.

Media sebelum ini melaporkan penduduk sekitar Subang mengadu mengenai kesesakan lalu lintas, operasi penerbangan di luar waktu kerja serta gangguan helikopter terbang rendah yang menjejaskan keselamatan serta ketenteraman kawasan berkenaan.

Sedia panduan keselamatan pelajar

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan satu garis panduan bagi memastikan keselamatan pelajar tahfiz di Selangor terjamin dan selamat, kata EXCO hal ehwal Islam.

Menurut Dr Mohammad Fahmi Ngah, pihaknya akan bekerjasama dengan EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari bagi merangka dasar berkenaan selain menganjurkan bengkel.

"Kita akan mula mesyuarat kemudian diikuti sesi bengkel bersama pihak berkaitan. Sekiranya cantik garis panduan (itu) ia akan diguna pakai di semua pusat tahfiz swasta dan kerajaan.

"Saya yakin insya-Allah garis panduan ini jika dapat dibuat dengan cantik, pendidikan Islam di Selangor terkawal dan keselamatan anak lebih terjamin," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Mohammad Fahmi berkata, ibu bapa juga perlu memainkan peranan dan tidak memaksa anak ke pusat tahfiz.

"Ada segelintir ibu bapa nak perbaiki akhlak anak mereka dengan menghantar ke pusat tahfiz sedangkan anak tidak rela, hal ini yang menyumbang kepada perkara negatif seperti buli, dera dan sebagainya."

WAKTU SOLAT	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang								Klang dan Kuala Langat								Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak			
28 Khamis	5:50	6:00	7:08	1:17	4:28	7:22	8:32	5:53	6:03	7:09	1:20	4:30	7:25	8:34	5:51	6:01	7:09	1:18	4:29	7:22	8:32			
29 Jumaat	5:50	6:00	7:08	1:17	4:27	7:22	8:32	5:52	6:02	7:09	1:19	4:29	7:24	8:34	5:51	6:01	7:09	1:18	4:28	7:22	8:32			
30 Sabtu	5:50	6:00	7:07	1:17	4:26	7:21	8:31	5:52	6:02	7:09	1:19	4:28	7:24	8:34	5:51	6:01	7:08	1:17	4:27	7:21	8:31			
31 Ahad	5:50	6:00	7:07	1:16	4:25	7:21	8:31	5:52	6:02	7:09	1:19	4:27	7:23	8:33	5:51	6:01	7:08	1:17	4:26	7:21	8:31			
01 Isnin	5:50	6:00	7:07	1:16	4:24	7:21	8:30	5:52	6:02	7:08	1:18	4:26	7:23	8:33	5:51	6:01	7:08	1:17	4:25	7:21	8:30			
02 Selasa	5:50	6:00	7:07	1:16	4:23	7:20	8:30	5:52	6:02	7:08	1:18	4:25	7:22	8:32	5:51	6:01	7:08	1:16	4:24	7:20	8:30			
03 Rabu	5:49	5:59	7:06	1:15	4:22	7:20	8:29	5:52	6:02	7:08	1:18	4:24	7:22	8:32	5:50	6:00	7:07	1:16	4:23	7:20	8:29			

28 Ogos - 3 September 2025
4-10 RABI'ULAWAL 1447H



SELAMAT MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN KE 68

Daripada
PENGERUSI, AHLI LEMBAGA PENGARAH, PIHAK PENGURUSAN & WARGA KERJA MBI SELANGOR



Dokumen lengkap percepat bantuan

SHAH ALAM - Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) menawarkan bantuan ihsan kepada mangsa ribut yang terjejas pada 25 Ogos, maklum ketuanya.

Ahmad Azri Zainal Nor berkata mangsa terjejas diminta membuat laporan polis dan mengambil gambar kerosakan sebagai dokumen sokongan permohonan supaya bantuan dapat disalurkan lebih cepat.

"Petugas kami sudah digerakkan untuk mengenal pasti rumah yang terjejas. Pada masa sama mangsa perlu membuat laporan polis serta mengambil gambar kerosakan supaya ia boleh dijadikan dokumen rasmi bagi permohonan bantuan," katanya kepada Media Selangor.

Beliau berkata bantuan berjumlah antara RM500 hingga RM1,000 akan disalurkan bergantung kepada tahap kerosakan dialami mangsa.

Pekerja wanita bukan beban

PUTRAJAYA - Polisi waktu kerja anjal untuk wanita perlu diperluas kepada semua agensi dan syarikat bagi memastikan mereka tidak dilihat sebagai beban di pejabat.

EXCO Wanita Anfaal Saari berkata usaha itu susulan Laporan Jurang Gender Global 2025 yang mengumumkan Malaysia tercorot dalam penglibatan wanita dalam sektor ekonomi.

"Kita mahu waktu kerja anjal ini dibuat sebagai satu polisi supaya wanita tidak dilihat sebagai individu yang hanya memohon cuti dan itu akan menjejaskan prestasi kerja mereka.

"Dari segi kajian perlu lebih menyeluruh sama ada di agensi kerajaan atau swasta kerana saya yakin dengan advokasi tentang keadilan dan kesaksamaan wanita."

Kerjasama sedia rumah mampu milik

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri terbuka untuk bekerjasama dengan kerajaan persekutuan dan pemaju swasta bagi mempercepat penyediaan rumah mampu milik selaras Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

EXCO Perumahan Datuk Borhan Aman Shah berkata kerjasama strategik itu mampu meningkatkan tawaran unit rumah berpatutan, strategik dan berkualiti bagi memenuhi keperluan rakyat.

"Pemaju yang dilantik wajib mematuhi semua syarat dan prosedur ditetapkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). LPHS juga akan memantau pelaksanaan projek secara berterusan bagi memastikan harga, kualiti dan lokasi rumah yang dibangunkan menepati keperluan rakyat Selangor," katanya.

Dasar Rumah Selangorku 3.0 menetapkan harga rumah antara RM114,750 hingga RM250,000 bergantung jenis dan saiz unit yang ditawarkan.

Media Selangor berwajah baharu

SHAH ALAM - Selepas 16 tahun beroperasi, Media Selangor Sdn Bhd (MSSB) kini melangkah ke fasa transformasi lebih besar dengan strategi organisasi baharu dan penerapan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam operasi serta produk editorial.

Seiring visi menjadi peneraju media negeri dan rantau, Ketua Pegawai Eksekutifnya Mohamed Fareed Mohamed Ashaaree berkata, kelangsungan sebuah organisasi media bergantung kepada keupayaan menyesuaikan diri dengan perubahan serta membina kepercayaan khalayak.

"Untuk kita kekal relevan, kita perlu sentiasa bersedia melakukan perubahan, kadangkala dalam sekelip mata sahaja. Selain kreativiti dan konsistensi kandungan, perkara paling penting adalah membina kepercayaan pembaca terhadap berita yang disampaikan," katanya dalam program Bicara Semasa terbitan Media Selangor.

Fareed menjelaskan MSSB turut melaksanakan projek 'Convergence' yang menyatukan pasukan editorial, kreatif dan teknikal ke arah budaya kerja lebih dinamik.

"Wartawan Media Selangor hari ini

bukan sahaja menulis berita, mereka juga mengambil gambar, merakam video, menjadi hos atau menghasilkan suara latar. Upskilling dan reskilling ini penting supaya kita tidak ketinggalan dengan perkembangan AI," jelasnya.

Transformasi digital syarikat semakin menyerlah dengan pelancaran portal baharu mediaselangor.com pada 25 Ogos. Platform tunggal ini menggabungkan empat portal terdahulu termasuk Selangor Kini dan Selangor Journal, selain menampilkan ciri mesra pengguna fungsi serta bacaan berita menggunakan AI.

Sedia garis panduan baharu

Tiada beg plastik tiga hari mulai 2026

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

SABAK BERNAM - Larangan penggunaan beg plastik selama tiga hari dari Jumaat hingga Ahad di semua premis akan dikuat kuasa seluruh negeri mulai tahun depan.

EXCO Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin berkata Jabatan Perundangan Selangor kini dalam fasa akhir semakan semula undang-undang berkaitan penguatkuasaan, termasuk merangka peraturan garis panduan baharu.

"Kita kluatir sekiranya dilaksanakan tanpa mempunyai punca kuasa bukan semua pihak akan patuh. Jabatan perundangan dijangka selesai rangka undang-undang larangan pada akhir

tahun ini.

"Jadi karnival kempen bebas plastik yang dianjurkan sebanyak empat siri bukan sahaja memberi kesedaran pada masyarakat dan agensi-agensi malah bersedia menghadapi larangan ini," katanya pada 23 Ogos.


Beliau menambah Kerajaan Negeri turut meneliti cadangan menaikkan kadar caj beg plastik bagi menggalakkan lebih ramai pengguna membawa beg guna semula sendiri.

"Kadar caj baharu masih dalam kajian dan cadangan dari pejabat saya namun akan dibawa ke Majlis Mesyuarat Kera-

jaan Negeri terlebih dahulu supaya setiap EXCO lain dapat memberikan pandangan kadar yang terbaik untuk pelaksanaan perkara ini," ujarnya.

Pada masa sama, Jamaliah memberitahu pihaknya sedang memuktamad pelaksanaan larangan penggunaan polisterena dan penyedut minuman plastik sebagai syarat tambahan permohonan lesen niaga.

Ujar beliau lagi, semua cadangan dasar, perundangan, pemantauan dan penguatkuasaan yang digubal ini merupakan langkah mencapai matlamat Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna Negeri Selangor menjelang 2030.



Caj 20 sen untuk didik masyarakat

SUBANG JAYA - Cadangan Kerajaan Selangor melaksanakan larangan penuh tanpa beg plastik selama tiga hari bermula Jumaat hingga Ahad di semua premis tahun depan disambut baik masyarakat.

Norashikin Omar, 48, berkata cadangan menaikkan caj 20sen ketika ini juga wajar bagi menggalakkan lebih ramai pengguna membawa beg sendiri.

"Bagi saya kedua-dua cadangan ini bagus, kita nak elakkan keadaan alam sekitar lebih teruk sebab bahan plastik susah nak hadam.

"Saya juga menyokong kempen Kerajaan Negeri sejak dari dahulu

bawa beg plastik sendiri apabila ke kedai untuk membeli barangan dapur.

"Dari tiga hari seeloknya buat larangan penuh terus sepanjang masa, untuk memastikan matlamat negeri sifar beg plastik berjalan lancar," katanya kepada Media Selangor.

Pekerja swasta Zaini Razak, 53, berkata kenaikan kadar caj akan mendidik masyarakat untuk berjimat kerana perlu membayar 20 sen bagi setiap beg plastik.

"Saya melihat cadangan bagus sebab dengan kenaikan caj 20 sen seka-


rang pengguna rasa mungkin membekalkan, untuk berjimat mereka bawa sendiri.

"Larangan tiga hari juga amat wajar, pelupusan beg plastik ambil masa yang panjang boleh mencemarkan alam sekitar," ujarnya.

Pada 23 Ogos, EXCO alam sekitar berkata, kadar caj baharu akan diperkenalkan bagi beg plastik sekali guna dalam usaha menggalakkan penggunaan beg guna semula.

Menurut Jamaliah Jamaluddin, pentadbiran negeri juga bercadang melaksanakan hari tanpa beg plastik sekali guna dari Jumaat hingga Ahad di semua premis.





Selamat Hari Kebangsaan Ke-68

*“Mara bersama. Semangat senegara.
Semangat Malaysia!”*



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.
DAN ANAK-ANAK SYARIKAT



Darul Khusus
Venture Sdn Bhd



Wajib pameran sijil urus kecemasan

SHAH ALAM - Penguasaha taman asuhan kanak-kanak (taska) wajib miliki sijil penguurusan kecemasan dan mempamerkannya secara jelas di premis sebagai syarat utama kelulusan pendaftaran, kata pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor.

Azmir Kassim berkata langkah itu bagi memastikan pengasuh sedia menghadapi situasi kecemasan dan memberi keyakinan kepada ibu bapa terhadap keselamatan anak-anak.

"Mulai tahun ini, setiap taska perlu ada sijil penguurusan kecemasan supaya pengasuh tahu apa tindakan yang perlu diambil jika berlaku perkara tidak diingini. Ini juga sebahagian daripada syarat sebelum taska diluluskan pendaftarannya," katanya baru-baru ini.

Beliau menjelaskan sijil tersebut antara sebahagian piawai minimum yang perlu dipenuhi selain mengikuti kursus dan mematuhi ciri-ciri keselamatan tertentu.

Kempen antibuli mula di asrama

SHAH ALAM - Program antibuli yang bakal dijalankan Kerajaan Negeri bagi mengekang perbuatan itu akan bermula di sekolah berasrama sebelum diperluas ke lokasi lain, maklum pegawai penyelarar Penggerak Belia Selangor (PeBS).

Ahmad Bakrin Sofawi Abu Bakar berkata program bersekali kempen antidadah yang digerakkan bersama Persatuan Mencegah Dadah (Pemadam) itu akan bermula dalam masa terdekat.

"Langkah pertama adalah berbincang dengan Jabatan Pendidikan Negeri. Kita akan kenal pasti sekolah mana dahulu. Sasaran kita sekolah berasrama, sama ada penuh atau harian.

"Pergaulan mereka sesama rakan lebih banyak kerana duduk di asrama berbanding pelajar sekolah harian. Kita mahu kekang budaya buli ini dalam kalangan mereka," katanya.

Selesai masalah paip tersumbat

SUBANG JAYA - Kerja-kerja penggantian paip pembentungan di Jalan SS15/4 dan SS15/8 di sini selesai dengan peruntukan sebanyak RM2.74 juta, maklum wakil rakyat Subang Jaya.

Michelle Ng Mei Sze berkata penggantian dibuat berikutan aduan kerosakan paip daripada penduduk dan pemilik kedai yang turut mengakibatkan aliran kumbahan tersumbat sejak dua tahun lalu.

"Penggantian paip pembentungan menggunakan paip tanah liat bersaiz 225 milimeter ini dipasang di sepanjang 400 meter melibatkan 46 lot kedai."

Beliau menjelaskan kelewatan projek siap enam bulan daripada jangkaan awal disebabkan kerja-kerja pengukuhan tanah bagi mengelakkan kerosakan pada bangunan.

337,851 keluarga dapat air percuma

SHAH ALAM - Sebanyak 337,851 keluarga di Selangor menerima manfaat air percuma setiap bulan menerusi Skim Air Darul Ehsan (SADE), setakat Julai lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) Adam Saffian Ghazali memaklumkan pihaknya menyasar 500,000 penerima layak memperoleh air percuma 20 meter padu.

"Jumlah penerima yang diluluskan sejak skim ini diperkenalkan ialah 337,851 keluarga. Air Selangor sasar lebih ramai



pengguna berdaftar layak menerimanya pada masa akan datang.

"Kita akan terus menguaruarkannya inisiatif ini termasuk mempromosinya di laman sesawang rasmi serta platform digital dan membuka pendaftaran melalui Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR).

"Air Selangor turut mengadakan kempen kesedaran serta hebahan melalui pelbagai saluran termasuk media sosial, pusat khidmat pelanggan, dan kerjasama dengan agensi Kerajaan Negeri," katanya kepada Media Selangor.

Pada 1 Ogos, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengumumkan had kelayakan pendapatan isi rumah permohonan SADE dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM6,000 sebulan.

Setakat Jun tahun lalu, Kerajaan Negeri menanggung kos melebihi RM30 juta bagi membiayai skim ini demi memastikan lebih ramai keluarga berpendapatan rendah dapat menikmati bekalan air bersih secara percuma.

Orang ramai yang ingin memohon boleh layari laman sesawang Air Selangor di www.airselangor.com/services/sade

Awasi kanak-kanak

Pornografi jejas hubungan intim

Oleh **AMIRAHWANI RAHIMI**

SHAH ALAM - Ketagihan menonton kandungan atau video lucah bukan sekadar isu moral malah boleh membawa kesan serius terhadap kesihatan lelaki termasuk rosak otak, gangguan ereksi dan menjejaskan kesuburan.

Penolong Pengarah Kanan Psikologi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Ratna Safura Kamal Syahri berkata individu yang kerap terdedah kepada rangsangan visual tidak realistik cenderung hilang minat terhadap hubungan intim normal bersama pasangan.

"Bila otak terlalu biasa dengan rangsangan palsu, ia jadi 'kebas' terhadap hubungan sebenar. Lama-kelamaan, prestasi dan kepuasan seksual merosot, memberi kesan kepada keharmonian

rumah tangga," katanya dalam program Bicara Semasa terbitan Media Selangor.

Beliau menjelaskan ketagihan juga boleh mendorong penonton hanyut dalam fantasi ekstrem hingga beralih kepada hubungan melibatkan ramai individu atau pasangan sejenis.

Jika dibawa ke dalam perkahwinan, Ratna Safura berkata, tabiat ini mengakibatkan individu tidak lagi puas dengan hubungan normal, lalu mula menuntut perkara yang pasangan sukar terima.

Pempengaruh kesihatan menjelaskan tabiat menonton bahan lucah berlebihan boleh menyebabkan Porn-Induced Erectile Dysfunction (PIED) serta menurunkan kualiti sperma selain merosakkan sistem rangsangan otak.



"Onani berlebihan akibat ketagihan melemahkan kuantiti benih lelaki, sekali gus mengurangkan peluang mendapat zuriat.

"Bila terlalu kerap menonton, ambang rangsangan jadi terlalu tinggi. Hubungan normal tidak lagi memberi kepuasan," kata Muhammad Noor Zakaria (*gambar*).

Beliau berkata fenomena ini membimbangkan kerana kanak-kanak seawal sekolah rendah sudah mampu mengakses kandungan lucah melalui telefon pintar, permainan dalam talian berunsur seksual dan laman percuma.

Berdasarkan Kajian Populasi Keluarga Malaysia Kelima pada 2014, sebanyak 35.3 peratus remaja berusia 13 hingga 24 tahun pernah menonton kandungan lucah, kebanyakannya melalui internet.

Jaga kebersihan ketika mendaki

PETALING JAYA - Semua pendaki terutama generasi kini dingatkan supaya menjaga kebersihan sepanjang aktiviti pendakian bagi memastikan kawasan berkenaan bebas pencemaran.

Pendaki Gunung Everest pertama Malaysia Datuk M Magendran berkata usaha berkenaan penting bagi mengekalkan kehijauan hutan untuk generasi akan datang selain menggerakkan kempen kesedaran memelihara kawasan pendakian.

"Saya percaya aktiviti luar seperti mendaki ini sudah menjadi gaya hidup



rakyat Malaysia buat masa ini berbanding pada zaman saya dahulu ia dilihat agak ganjil dan masyarakat beranggapan ia tidak memberi manfaat.

"Tetapi selepas kejayaan Malaysia 1997, kita dapat lihat tubuhnya banyak persatuan mendaki sehingga sekarang aktiviti ini sudah tidak perlu dipromosi lagi," katanya. Beliau menghadiri Majlis

Ramah Mesra Komuniti Pendaki dan Majlis Apresiasi Ekspedisi Trans Titiwangsa V6 di kediaman tokoh wartawan negara yang juga pendaki Tan Sri Johan Jaafar pada 24 Ogos.

Timbalan Pengarah Perhutanan

(Pembangunan) Jabatan Perhutanan Pahang Mohd Yussainy Md Yusop berkata terdapat 240 trek pendakian berdaftar bawah Jabatan Perhutanan seluruh negara.

"Jabatan Perhutanan mengawal kapasiti pendaki supaya tidak membebankan denai, iaitu bagi kawasan tanah tinggi 2,000 meter ke atas kita hanya benarkan 60 orang sehari berbanding kapasiti rendah 120 orang sehari.

"Ini langkah yang dibuat oleh Jabatan Perhutanan untuk memastikan kawasan pendakian ini dapat dikawal supaya flora fauna dapat dinikmati generasi akan datang," katanya yang juga pengerusi Persatuan Malim Gunung.



Gelora merdeka wira samudera



Foto Facebook APMM

Oleh AISHAH AMIN
Foto HARUN TAJUDDIN

Setiap kali tiba bulan Ogos, lautan menjadi saksi bisu kepada wira tanpa nama. Jika di darat, kemerdekaan disambut kibaran Jalur Gemilang dan gema lagu patriotik, di tengah samudera ia dirai dalam sepi.

Tiada sorakan, tiada perbarisan. Hanya ditemani ombak, ribut dan gelap malam yang tidak mengenal noktah.

Bagi Leftenan Muda Maritim Muhammad Nur Affiq Nur Hisham, 30, hampir tiga tahun bertugas bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) cukup membuatkan beliau mengerti bahawa merdeka bukan sekadar cuti umum.

“Merdeka bukan hanya cuti atau perarakan besar-besaran. Ia tentang tanggungjawab dan pengorbanan berterusan.

“Ramai mungkin fikir kemerdekaan hanya dijaga di darat, tetapi bagi kami, laut juga sempadan negara yang mesti dipertahan,” katanya dalam program Bicara Semasa: Lautan Merdeka, Amanah Dipertahan, sempena sambutan Hari Kebangsaan.

Lautan terjaga

Antara kenangan paling segar dalam ingatan Muhammad Nur Affiq ialah memintas sebuah bot dari negara jiran yang sarat membawa 80 migran.

“Operasi itu berlangsung pada waktu malam. Selepas menerima maklumat risikan, kami temui bot yang bocor dan hampir memasuki perairan negara.

“Kami segera menahan mereka dan membawa semua migran ke jeti untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat.



“Fokus 100 peratus sangat penting. Silap sedikit, kapal boleh rosak dan nyawa kru terancam. Perasaan takut memang ada, tapi semangat untuk mempertahankan negara mengatasi segala-galanya

Leftenan Madya Maritim Mohd Atraf Abdul Patah

Ramai orang mahu bekerja di Malaysia tetapi menggunakan jalan salah,” katanya.

Kejayaan tersebut disifatkan anak kelahiran Kulai, Johor itu sebagai bukti APMM sentiasa menjadi benteng pertahanan perairan negara.

Namun, setiap operasi datang bersama risiko. Bot yang ditahan tidak hanya membawa manusia tetapi mungkin juga senjata, dadah atau ancaman lain.

Ditambah pula cuaca tidak menentu, ombak setinggi tiga meter, ribut petir dan hujan lebat, semua itu bukan alasan untuk berundur.

Raya di laut

Pengorbanan menjaga sempadan juga bermakna melepaskan detik terindah bersama keluarga.

Leftenan Madya Maritim Mohd

Atraf Abdul Patah, 32, sudah tujuh tahun berkhidmat dan tujuh kali juga Aidilfitri dirai di lautan.

“Perkara paling sukar ialah bila tak dapat balik beraya, tak dapat salam mak ayah. Sedih memang sedih, tapi saya anggap ia ujian. Kalau bernasib baik, dapatlah pulang raya keempat atau kelima,” katanya.

Musim perayaan menjadi saat paling menguji emosi bagi anak jati Terengganu itu. Saat orang lain berkumpul riang di kampung halaman, dia dan rakan setugas bertarung dengan ombak besar serta cuaca tidak menentu.

Namun di atas kapal, mereka tidak pernah keseorangan. Kru ibarat keluarga kedua. Mereka makan bersama dan bergelak ketawa untuk menghilangkan resah yang membuku di hati.

“Merdeka bermakna bebas daripada ancaman, bebas mencari rezeki dengan selamat dan bebas hidup dalam aman... Laut juga sebahagian daripada tanah air. Mempertahankannya bermakna mempertahankan kemerdekaan

Leftenan Muda Maritim Muhammad Nur Affiq Nur Hisham



Gelora malam

Operasi malam di tengah laut adalah ujian sebenar. Dalam gelap pekat malam, ombak mengganas dan kapal asing yang perlu dikejar, setiap detik menjadi taruhan nyawa.

“Fokus 100 peratus sangat penting. Silap sedikit, kapal boleh rosak dan nyawa kru terancam. Perasaan takut memang ada, tapi semangat untuk mempertahankan negara mengatasi segala-galanya,” kata Mohd Atraf.

Setiap operasi, bagi Muhammad Nur Affiq medan menguji ketahanan mental.

“Kadang-kadang kita cuma perlu kuatkan hati dan teruskan. Ini amanah yang wajib dipikul.”

Harga sebuah kemerdekaan

Merdeka bagi insan-insan ini bukan sekadar kata-kata indah. Ia harga yang dibayar dengan masa, tenaga dan kadangkala air mata.

Generasi muda perlu sedar bahawa kemerdekaan tidak datang percuma. Ia ditebus dengan keringat, masa dan nyawa mereka yang berjuang di perbatasan.

“Merdeka bermakna bebas daripada ancaman, bebas mencari rezeki dengan selamat dan bebas hidup dalam aman. Tapi kebebasan hanya kekal jika semua rakyat memainkan peranan.

“Laut juga sebahagian daripada tanah air. Mempertahankannya bermakna mempertahankan kemerdekaan,” kata Muhammad Nur Affiq.

Di geladak maritim, mereka tidak pernah menuntut tepukan atau sorakan. Cukuplah negara ini terus aman, itulah erti merdeka sebenar bagi wira samudera.



Benang patriotik

Oleh **SOFIA NASIR**
Foto **HARUN TAJUDIN**

Di sebuah ruang kecil di bangunan tingkat atas Selera Lindungan dekat Petaling Jaya, bunyi mesin jahit mengisi ruang, menemani seorang wanita yang tekun menyiapkan busana penuh warna.

Benang merah, putih, biru dan kuning disulam menjadi pakaian penuh kasih, agar anak-anak melangkah ke sekolah dengan bangga menyarung rona Jalur Gemilang di tubuh mereka.

Bagi Normadiyah Md Nor, 43, setiap jahitan adalah titipan cinta, bukan hanya untuk anak sendiri, tetapi seluruh anak bangsa.

Segalanya bermula kira-kira 17 tahun lalu. Ketika itu, dia hanya mahu anak-anaknya tampil berbeza sempena sambutan Hari Kebangsaan di sekolah.

Dengan mesin jahit sederhana, dia menghasilkan baju bertema Jalur Gemilang sekadar suka-suka.

Namun siapa sangka, hobi itu menjadi permulaan perjalanan panjang hingga namanya kini dikenali sebagai tukang jahit baju merdeka.

Sejak tiga tahun lalu, ibu lima anak ini memberanikan diri mengambil tempahan secara serius.

Butik kecilnya yang sebelum ini hanya menerima jahitan langsir dan pakaian harian, kini bertukar wajah setiap kali Julai tiba.

Ruang itu dipenuhi kain bendera, potongan corak dan lakaran busana yang menanti untuk disulam menjadi busana merdeka.

“Dulu bila orang tanya, saya tak berani ambil tempahan. Tapi akhirnya saya cuba juga. Saya iklankan di Facebook, Alhamdulillah sambutan amat luar biasa,” katanya.

Bagai musim raya

Menjelang Ogos, suasana butik kecil itu bagaikan musim raya. Pesanan bertubi-tubi masuk melalui Facebook Diha Diha Diha Fesyen



Dulu bila orang tanya, saya tak berani ambil tempahan. Tapi akhirnya saya cuba juga. Saya iklankan di Facebook, Alhamdulillah sambutan amat luar biasa





Setiap tahun, lebih 50 tempahan masuk. Memang sibuk, sama meriah macam bila kita siapkan baju raya

dan aplikasi WhatsApp.

Dari Lembah Klang hingga ke Sabah dan Sarawak, nama Normadiyah mula meniti di bibir ibu bapa yang mahu anak mereka bergaya penuh semangat patriotik.

"Setiap tahun, lebih 50 tempahan masuk. Memang sibuk, sama meriah macam bila kita siapkan baju raya," kata anak jati Kuala Terengganu itu.

Bagi wanita itu, setiap baju yang dihasilkan bukan sekadar pakaian pertandingan atau perarakan sekolah. Ia nukilan halus untuk menanam keyakinan dan rasa cinta kepada negara dalam diri anak-anak.

"Saya gembira bila tengok mereka tersenyum bangga dengan pakaian merdeka. Mereka jadi lebih berani berdiri di depan orang ramai.

"Itu sebenarnya tujuan baju ini. Bukan sekadar cantik, tetapi ada jiwa," katanya.

Pernah suatu ketika, anak pelanggan memenangi pertandingan pakaian tema merdeka, sedangkan anaknya sendiri tewas di sekolah yang sama.

Namun, bagi Normadiyah, itulah makna sebenar perjuangan kecil seorang tukang jahit. Melihat semangat merdeka disemai, walaupun bukan pada darah dagingnya sendiri.

Kreativiti

Setiap tempahan datang dengan cerita tersendiri. Ada yang mahukan baju Melayu lengkap, tidak kurang pula yang meminta gaun ala puteri, malah ada juga yang mahukan kostum angkasawan.

Semua itu disahut Normadiyah dengan tangan terbuka, seolah-olah setiap permintaan adalah ruang baharu untuknya melahirkan kreativiti.

Setiap helaian fabrik dipilih penuh teliti. Dari songket yang sarat tradisi, chiffon lembut beralun dan satin berkilau indah.

Bila digabung dengan warna Jalur Gemilang, setiap

busana bukan sekadar pakaian tetapi karya seni kecil yang menghidupkan makna kemerdekaan.

Butik D'ha Fesyen mungkin sederhana, tetapi di dalamnya tersimpan kisah luar biasa. Ia bukan sekadar ruang menjahit, tetapi tempat di mana semangat negara disulam halus pada helaian kain.

Selain tempahan khas bermula RM150, Normadiyah turut menyediakan sewaan serendah RM70, agar lebih ramai anak-anak berpeluang menyalurkan semangat merdeka.

Baginya, hadiah terindah bukan pada upah tetapi pada senyuman anak-anak yang melangkah yakin membawa Jalur Gemilang bukan hanya di tangan tetapi di hati mereka.



Nostalgia seragam pahlawan

Oleh NADIAH ZAMLUS
Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Di bawah panas terik matahari, sekumpulan lelaki tegap berdiri di tepi jalan Kampung Sungai Jai, Beranang. Panas yang membahang tidak dihiraukan.

Di tubuh mereka tersarung seragam tentera lengkap dari topi hingga ke kasut, seakan-akan membawa kita kembali ke zaman silam.

Masa seolah-olah terhenti. Bayangan zaman ketenteraan era 1930-an hingga 1940-an kembali hidup. Dengan Jalur Gemilang berkibar megah, suara mereka bergema lantang menyanyikan lagu kebangsaan.

Inilah aktiviti Persatuan Reka Ulang Sejarah, sekumpulan anak muda yang memilih untuk menghidupkan kembali warisan perjuangan bangsa.

Namun mereka bukan sekadar memperaga pakaian tentera lama. Kompas, telefon klasik, bahkan cara menggunakannya turut dipelajari, persis perwira tanah air zaman dahulu.

Medan perjuangan

Bagi Pengerusinya Abdul Hakim Abdul Rani, 33, seragam lusuh dan butang besi yang dikumpul tidak pernah dianggap sekadar hobi. Sebaliknya, ia menjadi medan perjuangan baharu, mendidik masyarakat agar tidak melupakan wira negara.

"Ramai guru sejarah suka panggil kami buat pameran di sekolah. Murid-murid sangat teruja bila nampak pakaian askar, apatah lagi bila dapat sentuh dan cuba sendiri.

"Apa yang mereka hanya baca dalam buku teks, kini dapat dilihat secara nyata di depan mata," katanya kepada Media Selangor.



Seragam Eksekutif
Operasi Khas 186
1943 - 1945

Seragam latihan tempur
Askar Melayu
1933 - 1942

Seragam harian Pegawai
Askar Melayu
1936 - 1942

Baju istiadat
Pegawai Tidak Tauliah
Askar Melayu
1933 - 1942

Seragam
Askar Jepun
1941 - 1945

▲ Sebahagian koleksi baju dan aksesori tentera yang dikumpul lebih 10 tahun lalu, ada yang dicari sehingga ke Jepun

◀ Abdul Hakim menggunakan telefon jenis Set-F Field, peranti tentera zaman Perang Dunia Kedua yang digunakan untuk komunikasi jarak dekat di kawasan operasi

▲ Kedua-dua baju istiadat askar Melayu ini bernilai lebih RM6,000 dan dibeli menerusi pelbagai platform termasuk laman eBay

“**Setiap helaian kain dan butang logam adalah warisan bangsa yang tidak ternilai. Kalau ada orang nak buang barang lama, saya akan kutip. Lebih baik kita pameran supaya generasi akan datang tahu kisahnya**”

Koleksi bernilai

Bekas askar wataniah itu memiliki lebih 30 set seragam tentera. Namun paling berharga baginya ialah seragam berpangkat 'Colour Sergeant' seperti dipakai wira negara, Leftenan Adnan Saidi.

Untuk mendapatkan pakaian itu, beliau sanggup berhabis ribuan ringgit membelinya daripada pengumpul dalam dan luar negara. Malah ada yang diburu di pasar karat.

Lebih istimewa, koleksi itu turut dihiasi dua lencana asal milik Leftenan Adnan iaitu Lencana Penembak Tepat (Marksman Badge) dan Lencana Kemahiran Senjata Lewis (Lewis Gun Proficiency Badge).

"Leftenan Adnan memang terkenal dengan kepakaran menembak seperti dipaparkan dalam filem tentang beliau. "Jadi, dua lencana ini amat saya

sayangi. Ia bukan sekadar lencana tetapi sebahagian daripada roh perjuangan beliau," katanya.

Minat mendalam

Minat Abdul Hakim terhadap dunia ketenteraan bermula sejak di universiti melalui Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes).

Walaupun hasrat untuk melanjutkan pengajian di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia tidak kesampaian, beliau tetap meneruskan langkah sebagai askar wataniah.

Tuntutan kerja hakiki memaksanya meninggalkan khidmat itu, namun semangatnya tidak pernah padam.

"Saya teruskan dedikasi kecintaan saya dengan cara lain iaitu menghidupkan sejarah melalui uniform," katanya yang menerajui lebih 30 ahli.

Kini, Abdul Hakim dan rakan-

rakannya bukan sahaja mengumpul seragam, malah menjadi penasihat produksi filem tempatan termasuk "Pagari Bulan" dan dokumentari "Persada Merdeka".

Warisan bangsa

Bagi beliau, setiap helaian kain dan butang logam adalah warisan bangsa yang tidak ternilai.

"Kalau ada orang nak buang barang lama, saya akan kutip. Lebih baik kita pameran supaya generasi akan datang tahu kisahnya," katanya lagi.

Daripada cita-cita menjadi tentera yang tidak kesampaian, Abdul Hakim kini muncul sebagai 'askar sejarah' yang berjuang di medan berbeza.

Bukan dengan senjata dan peluru, tetapi dengan kenangan, pendidikan dan pewarisan semangat merdeka yang tidak pernah padam.



Irama perpaduan

Oleh **TEOH YEE SHEN**

Foto **MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN**

Tatkala malam tiba, dentuman gendang dan gong bergema memecah kesunyian. Setiap hentakan langkah menyatu, merentas sempadan bangsa.

Dalam tarian singa, bukan sekadar seni dipersembah, tetapi semangat Malaysia yang hidup dalam kepelbagaian.

Di Bukit Beruntung, Selangor, sekumpulan belia pelbagai kaum berhimpun saban minggu. Berpakaian seragam latihan, mereka menumpukan sepenuh jiwa pada setiap lompatan, pendaratan dan paluan.

Mereka adalah ahli kumpulan Yong Jun Lion Dance Bukit Beruntung, sebuah pasukan yang menjadikan tarian singa sebagai lenggok perpaduan.

Rumah kedua

Bagi Khairunnisa Adawiyah, 16, pasukan tersebut ibarat rumah kedua. Menyertainya sejak 2018, kini gadis genit itu menjadi pemain gendang utama.

"Ibu bapa saya pada mulanya ragu-ragu kerana perbezaan budaya. Tapi bila mereka faham tarian singa ini bukan soal agama, mereka izinkan saya," katanya.

Air mata pernah menitis tatkala tubuh kecilnya bergelut mengangkat gong yang berat dan sukar menguasai teknik. Namun, ketabahan membuatnya kekal hingga kini.

"Dulu saya pendiam, pemalu. Kini saya lebih yakin. Semua kerana sokongan rakan-rakan. Di sinilah rumah kedua saya," katanya.

Sharvin Rao, 19, pula mengakui setiap langkah menggalas kepala dan ekor singa penuh cabaran. Pernah dihukum kerana tersilap gerakan, namun jurulatih bagaikan bapa kedua, tegas mendidik tetapi penuh kasih.

"Saya banyak berubah, daripada pendiam menjadi lebih berani. Kenangan paling indah, bila pasukan kami menang anugerah. Ibu bapa sentiasa menyokong," kata mekanik muda itu.

Berlatih sejak usia tujuh tahun, Yap Zi Qing, 15, mula menganggap setiap persembahan sebagai memori berharga.

"Paling seronok bila kami menaiki lori beramai-ramai menuju lokasi persembahan.



Di sinilah saya belajar hormat-menghormati dan tidak mudah putus asa," katanya.

Di matanya, tarian singa bukan sekadar seni, tetapi wadah yang menyatukan persahabatan merentas kaum, memupuk rasa hormat dan mengajar erti pantang menyerah.

Disiplin dan keserasian

Pasukan tarian singa itu diasaskan oleh Chan Yong Zhen, 34, pada 2013. Beliau meneruskan legasi bapanya yang dahulu menyediakan ruang di tokong sebagai gelanggang latihan.

Bermula 2016, beliau giat merekrut ahli baharu di sekolah rendah Cina, malah berjaya menarik minat anak-anak Melayu dan India untuk turut serta.

"Bila memakai pakaian singa, semua jadi satu pasukan. Tiada beza bangsa. Yang ada hanya disiplin, keserasian dan kebersamaan," jelasnya.

Kini, persembahan mereka bukan lagi terbatas pada pertandingan, malah dijemput ke pusat beli-belah hingga ke rumah sahabat Melayu. Tarian mereka sentiasa mengundang keterujaan dan tepukan gemuruh.

Faizal Salehudin, 55, bapa kepada enam anak yang dua daripadanya ahli persatuan itu, tersenyum bangga melihat impiannya sejak kecil menjadi realiti.

"Saya sejak kecil minat tarian singa, tapi tak pernah berpeluang sertai. Kini anak-anak pula menunaikan impian itu.

"Tarian singa simbol budaya, bukan agama. Saya suka lihat pelbagai kaum menari bersama-sama. Inilah wajah sebenar Malaysia," katanya.

Sejak anak-anaknya menyertai pasukan itu, mereka lebih berdisiplin. Malah beliau sendiri menganggap jurulatih sebagai keluarga.

Di gelanggang latihan, semua ahli berdiri tegak memberi tabik hormat kepada jurulatih. Walau berbeza kaum, mereka belajar adat masing-masing, meraikan perayaan bersama dan saling menyokong antara satu sama lain.

"Dari komuniti kecil ini, budaya Cina diperkenal, kaum lain turut mengenali tarian singa. Inilah kejayaan sebenar yang saya banggakan," kata Yong Zhen.

Ketika dentuman gendang perlahan-lahan reda, beberapa ibu bapa sabar menanti di tepi gelanggang. Senyuman terukir melihat anak-anak mengakhiri latihan.

Di sebalik kepala dan ekor singa, tiada lagi garis pemisah. Hanya ada satu pasukan, satu keserasian dan satu semangat perpaduan yang terus mekar dalam komuniti kecil ini.



Nak belanja Duit SARA? Beli di JER laaa.. Lebih Jimat! Lebih BANYAK dapat!



TOTAL KUANTITI
20 UNIT

DENGAN HANYA
RM 100 SAHAJA

1. Ehsan Beras Super Special Import (5kg)
2. Telur Gred C/B (30 biji)
3. Ehsan Minyak Masak (2kg)
4. Ehsan Tepung Gandum (850g)
5. Ehsan Bihun (400g)
6. Ehsan Sardin (425g)
7. Ehsan Biskut Jagung (400g)
8. Ehsan Shine Detergent (4.5kg)
9. Ehsan Chocmalt (1kg)
10. Numee Mi Kuning (380g)
11. Puteri Cili Giling (350g)
12. Ehsan Santan (200ml)
13. Nutrigood Susu Pekat Manis (500g)
14. Ehsan Biskut Krim Lemon/Coklat (125g)
15. Numee Mi Segera (5x76g)
16. Bestari Tepung Goreng Ayam (1kg)
17. Ehsan Kicap Lemak Manis/Istimewa (450g)
18. Hang Tuah Kopi O 2in1 (16s)
19. Ehsan Choc Milk (2x 200ml)

Pakej RM100

PEMBELIAN SECARA : 1. Wang Tunai



2. Kad Pengenalan Diri
Sila bawa bersama kad versi baharu



3. Bingkas

Karnival 100 JER

📅 1 September 2025 . Isnin
🕒 9.00 Pagi - 5.00 Petang
📍 Padang Awam, Batu Caves

Sila bawa bersama kad pengenalan diri (Versi baharu) bagi tujuan pembelian dan pendaftaran. Jualan dibuka sehingga stok masih ada!

Pesona kebun komuniti Shah Alam

Oleh NAZLI IBRAHIM
Foto REMY ARIFIN

Di tengah-tengah hiruk-pikuk kehidupan moden yang serba sibuk dan individualistik, sebuah kebun hijau di Shah Alam menjadi bukti semangat kejrangan belum lenyap.

Kebun Komuniti Taman Tasik Teratai bukan sekadar tempat bercucuk tanam. Di sini, penduduk menanam harapan, menyemai persahabatan dan merasai nikmat kebersamaan.

Terletak di Seksyen 8, tanah terbiar seluas 3.6 hektar kini bertukar wajah menjadi taman subur penuh warna-warni hasil titik peluh masyarakat setempat.

Di bawah pimpinan Pengerusinya Dato' Zainuddin Ahmad, kebun itu berkembang menjadi kebanggaan penduduk apabila dinobatkan juara Landskap Komuniti Kebangsaan 2020.

Tidak terhenti di situ, ia turut memenangi kategori ekopelancongan dan tempat keempat keseluruhan dalam pertandingan mini Zee Bee anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Lebih istimewa, lokasinya terletak di atas bukit dan menghadap sebuah tasik yang tenang. Apabila senja menjelma, landskapnya bagaikan

kanvas hidup, menyatukan kehijauan tanaman dengan bayangan air mendamaikan.

"Kebun kami antara perintis di Shah Alam. Sekarang, hampir setiap seksyen sudah ada kebun komuniti masing-masing," katanya kepada Media Selangor.

Batas subur

Dari batas kecil, menjalar subur hasil aneka tanaman. Sawi, kangkung, bayam, terung, kailan, peria, kacang panjang, petola hingga nanas, semuanya dijaga rapi. Seolah-olah setiap tanaman punya jiwa.

Di tepian tasik pula, deretan bunga berwarna-warni kembang mekar, seakan-akan menyambut tetamu dengan senyuman alam. Lebih bermakna, hasil tanaman dijual pada harga berpatutan kepada penduduk sekitar.

"Pokok bunga pun kita jual murah, sampai orang luar pun sanggup datang beli," kata Zainuddin.

Kejayaan itu bukan usaha bersendirian. Ia hadir dengan sokongan pelbagai pihak termasuk MBSA, Jabatan Pertanian,

Lembaga Nanas Negara serta wakil rakyat setempat.

Bantuan baja, benih, peralatan dan kewangan menyuntik semangat kepada lebih 60 ahli persatuan yang berganding bahu mengusahakan kebun.

Konsep pengurusannya juga unik. Setiap ahli menguruskan batas sendiri tetapi ada yang memilih untuk berkongsi bagi memudahkan penjagaan. Hasil tuaian dijual setiap Sabtu dan 10 peratus disumbangkan kepada persatuan untuk penyelenggaraan kebun.

Bakinya menjadi milik pengusaha, memberi mereka rasa kepunyaan dan bangga terhadap hasil kerja sendiri.

Namun, nilai kebun melebihi hasil tuaian. Ia medan persaudaraan. Di sinilah penduduk bergotong-royong, berkongsi benih, bertukar ilmu dan bergelak tawa hingga terjalin ikatan yang menyatukan mereka.

Ia juga menjadi pentas pelbagai acara, dari mesyuarat persatuan, aktiviti seni hinggalah latihan koir sempena sambutan Hari Kebangsaan. Warga emas mahupun anak muda, semuanya ada peranan dan ruang untuk menyumbang.

Kini, kebun komuniti itu berdiri megah sebagai bukti bahawa tanah terbiar boleh menjadi ladang rezeki dan berupaya menyuburkan kembali semangat kejrangan.

Seperti suburnya tanaman yang menghijau di batas mereka, begitulah juga utuhnya persaudaraan yang kembali hidup di hati warga Shah Alam.



Bantuan alatan sokong usahawan

SHAH ALAM - Selangor memperuntuk RM2 juta setiap tahun menerusi program Blueprint Pembasmian Kemiskinan bagi membantu usahawan kecil bandar, kata EXCO pembasmian kemiskinan.

V Papparaidu berkata dana itu membolehkan peniaga menerima alatan niaga antaranya mesin jahit, periuk nasi dan peti sejuk untuk menggalakkan mereka terus beroperasi.

"Program Blueprint sangat popular di mana kita akan beri peralatan dan dorongan kepada peniaga kawasan bandar dan luar bandar untuk tingkatkan lagi perniagaan mereka.

"Untuk program ini, mereka tidak perlu bayar balik kerana tidak melibatkan wang ringgit. Kita cuma mahu bantu kerana kebanyakan mereka adalah golongan berpendapatan rendah," katanya kepada Media Selangor.

Pam automatik atasi banjir

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) mempercepat kerja baik pulih kerosakan pagar dan longkang kolam tadahan Sungai Batu 50, Taman Klang Utama bagi mengatasi isu banjir kilat demi keselamatan penduduk.

Ahli Majlis Ngian Yok Moi berkata baik pulih yang mencapai tahap 20 peratus itu turut melibatkan penukaran sistem pam manual kepada automatik dengan peruntukan RM111,000 bermula 16 Jun.

"Projek ini dijadualkan siap pada pertengahan Oktober depan dan akan memberi manfaat kepada ribuan penduduk. Kolam ini turut disenggara MBDK melalui Jabatan Perkhidmatan Persekitaran meliputi kerja pembersihan dengan kerjasama KDEB Waste Management."

Tambah Yok Moi lagi, kerja senggara pam kawalan banjir di Taman Mutiara, Bukit Raja dan Taman Klang Utama yang bermula Februari lepas dengan dana RM166,000 pula dijangka siap pada 2027.

Sate Kajang menu warisan Selangor

KAJANG - Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin berkenan mengisytihar Sate Kajang sebagai makanan warisan negeri.

Pengisytiharan disempurnakan Baginda dalam majlis di Stadium Kajang, lokasi sinonim dengan penjualan makanan berkenaan selain melawat reruai jualan bertemu peniaga dan rakyat.

EXCO kebudayaan berkata Sate Kajang diwartakan sebagai objek bersejarah bawah Enakmen Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor 2009 pada 31 Julai.

Datuk Borhan Aman Shah berkata pewartaan itu mengukuhkan kedudukan makanan terbabit sebagai sebahagian identiti Selangor yang bernilai dari segi sejarah, budaya dan sosial.

"Sate ini unik kerana perapan rempah turun-temurunnya, cucukan daging yang padat berat sekitar 22 hingga 24 gram.

"Kuah kacang beraroma asli, hidangannya juga lengkap dengan ketupat dan sayuran, serta bakaran arang yang direnjis kasih pada setiap cucuk, menjadikan ia identiti kebanggaan negeri," katanya pada 23 Ogos.

Sedia bantuan kembang niaga

Skim negeri lonjak peniaga Melayu

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menyediakan pelbagai inisiatif untuk memperkasa peniaga Melayu termasuk dalam bidang pendigitalan dan pemasaran melalui Platform Selangor (PLATS), kata EXCO keusahawanan.

Najwan Halimi berkata Kerajaan Negeri juga menawarkan skim i-Bisnes dan Niaga Darul Ehsan (NaDI) bawah Yayasan Hijrah Selangor, khusus untuk peniaga yang ingin mengembangkan perniagaan

atau memerlukan modal pusingan.

Menurut beliau lagi, Dana Usahawan Madani Selangor (DUMS) pula menawarkan geran barangan perniagaan bernilai sehingga RM30,000.

"Kita (turut) menyediakan banyak tapak niaga berlesen seperti pasar malam, bazar Ramadan dan raya, tapak khas hari minggu, kawasan dataran atau rekreasi.

"Contohnya, tawaran mengelola aktiviti niaga di ratusan lokasi bazar yang diluluskan setiap musim. Peniaga Melayu adalah penerima manfaat utama," katanya kepada Media Selangor.

Mengulas lanjut, Najwan berkata pentadbiran negeri turut memperkenal dasar Speed Selangor untuk mempercepat kelulusan perniagaan di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT).

Perdana menteri sebelum itu menggesa PBT dan kerajaan negeri supaya tidak mengabaikan kepentingan peniaga kecil serta peniaga Melayu di bandar.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kehebatan bandar raya bukan terletak kepada pembangunan sahaja tetapi bagaimana PBT meningkatkan kemudahan asas kepada golongan tersebut.

Lantik duta sebar mesej perpaduan

KLANG - Pempengaruh terkenal bakal dilantik sebagai duta Rumpun Selangor bagi menyebarkan mesej perpaduan khususnya kepada golongan muda.

EXCO Perpaduan Datuk Rizam Ismail berkata pelantikan duta tersebut juga bagi mempromosi sektor pelanco-

ngan dan ekonomi negeri.

"Selangor ini ibarat mini Malaysia yang majoriti semua ada. Tidak kira lahir di Selangor, bermastautin atau bekerja, mereka perlu tahu pentingnya perpaduan dan kemakmuran wajar dinikmati semua.

"Pelantikan duta ini akan diumumkan pada majlis perasmian Ekspo Kemerdekaan Kampung-Kampung Tra-

disi Selangor di Stadium Sungai Besar pada 30 Ogos nanti," katanya.

Menurut beliau lagi, Kerajaan Negeri sentiasa proaktif melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memelihara keharmonian masyarakat termasuk meneruskan program Rumpun Selangor yang menjelajah seluruh negeri bersama Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

Guna dron pantau sumber air

SHAH ALAM - Penggunaan dron bagi pengawasan dan tinjauan udara keadaan sungai utama Selangor dilaksana berkala setiap bulan bagi meningkatkan keberkesanan kawalan pencemaran sumber air.

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) memaklumkan langkah berkenaan membolehkan pihaknya memantau keseluruhan kawasan yang memberi dampak aliran kepada sungai utama.

"Penggunaan aset jentera air seperti bot di kawasan sungai atau sumber air bagi pemantauan secara lebih dekat bersama pensampelan kualiti," maklum LUAS dalam kenyataan.

Menurut LUAS, kerjasama dengan Kementerian

Sains, Teknologi dan Inovasi melalui Agensi Angkasa Malaysia (MySA) berjaya membangunkan sistem maklumat geografi dan data satelit iaitu Selangor Earth Surface Activity Monitoring System (SESAMS).

Sistem berkenaan katanya lagi, membantu meningkatkan keberkesanan pemantauan aktiviti guna tanah melibatkan aspek kawasan badan air dan kawasan berpotensi menyumbang kepada pencemaran sumber air di Selangor.

Sebanyak 11 kertas siasatan dibuka dan tiga kompaun dikeluarkan bagi kesalahan pencemaran sungai atau sumber air setakat 31 Julai tahun ini berbanding 16 kertas siasatan serta lima kompaun bagi tempoh sama tahun lalu.



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	TBA	SOCIAL MEDIA AGENCY FOR ONLINE REPUTATION AND CRISIS MANAGEMENT FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD WITH DURATION PERIOD OF 1+2 YEARS
2.	TBA	SUPPLY AND DELIVERY OF PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT (PPE) FOR PERIOD OF 3 YEARS FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR
3.	TBA	SUPPLY AND DELIVERY OF CORPORATE UNIFORM FOR PERIOD OF 3 YEARS FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR

KENYATAAN PRA-KELAYAKAN

Bil.	NO. PRA-KELAYAKAN	KETERANGAN
1.	PN0000022791	PRE-QUALIFICATION PANEL CONTRACTORS FOR METER REPLACEMENT PROGRAM

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender/prakelayakan di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/partners/vendors> atau <https://tender.airselangor.com>.



Selamat Hari Kebangsaan



“Mara bersama, Semangat senegara, Semangat Malaysia!”

Tulus Ikhlas Daripada
Ahli Lembaga Pengarah,
Pengurusan Serta Kakitangan
Central Spectrum (M) Sdn. Bhd.



Selamat Hari Kebangsaan Ke-68

*“Mara bersama, Semangat senegara,
Semangat Malaysia!”*



Tulus Ikhlas Daripada,
Datuk Bandar, Ahli Majlis dan
Seluruh Warga Kerja Majlis Bandaraya
Diraja Klang



Jejambat baharu surai masalah trafik

SHAH ALAM - Pembinaan jejambat di Pelangi Semenyih bagi menghubungkan Jalan Semenyih dengan Bandar Tasik Kesuma bakal mengatasi masalah trafik yang membelenggu pengguna jalan raya.

Wakil rakyat Dusun Tua Datuk Johan Abd Aziz berkata kos pembinaan RM52.5 juta ditanggung sepenuhnya pemaju dengan jangkaan siap awal 2028 juga bakal melegakan pergerakan kenderaan di Bandar Kerinching dan Eco Forest.

"Terdapat pembangunan berskala besar oleh hampir 10 pemaju di kawasan Beranang dan Jalan Broga. Majlis Perbandaran Kajang telah menyelaras pembinaan jejambat ini melalui perjanjian bersama syarikat konsesi (pada 18 Ogos).

"Dengan adanya jejambat ini, aliran trafik dapat disuraikan dengan lebih lancar serta memberi manfaat jangka panjang kepada komuniti sekitar, khususnya di Beranang dan Semenyih. Semoga projek ini berjalan lancar demi kesejahteraan rakyat," katanya.

Kemudahan selesa untuk pemancing

SUBANG JAYA - Sebanyak RM100,000 dibelanjakan bagi menaik taraf kemudahan di Taman Tasik Seri Aman, Puchong yang terjejas akibat banjir besar pada 2021.

Ahli Majlis Bandaraya Subang Jaya Zon 12 berkata naik taraf melibatkan sistem perparitan, laluan pejalan kaki sepanjang 900 meter dan pagar dengan kos kira-kira RM40,000.

Fauzan Rosli berkata pembaikan tersebut juga bagi meningkatkan keselamatan pengunjung khususnya kanak-kanak selain mewujudkan ruang selesa buat pemancing.

"Kita mahu tasik ini menjadi produk pelancongan dan tarikan baharu pengunjung melalui kerja naik taraf ini selain menjaga kebersihan. Penarafan di Google Review juga telah mencapai skor lima bintang," katanya kepada Media Selangor.

Destinasi pelancong mesra komuniti

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) terus membuktikan komitmen dalam memacu sektor pelancongan apabila meraih dua anugerah utama pada Majlis Anugerah Industri Pelancongan 2025 di Sunway Resort Hotel, Subang Jaya pada 9 Ogos lalu.

MBSA dinobatkan pemenang kategori Best Community Based Tourist Initiative dan Best Clean & Friendly City, sekali gus mengangkat nama Shah Alam sebagai destinasi pelancongan mesra komuniti, bersih dan kondusif untuk dikunjungi.

"Kejayaan ini adalah hasil komitmen berterusan MBSA memperkasakan industri serta promosi pelancongan di kawasan pentadbiran Shah Alam," menurut kenyataan pihak berkuasa tempatan itu.

Kemudahan sukan mesra OKU

SHAH ALAM - Elemen mesra orang kurang upaya (OKU) dan reka bentuk sejagat perlu dilaksanakan dalam pembinaan Kompleks Sukan Shah Alam bagi memastikan kemudahan disediakan memudahkan golongan berkenaan.

Pengerusi Majlis Tindakan Orang Kurang Upaya Selangor (MTOS) Danial Al-Rashid Haron berkata perkerja berkenaan dibincangkan bersama Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI dan dima-



sukkan dalam pelan pembangunan stadium berkenaan.

"Di luar negara, adalah perkara biasa golongan OKU menonton bola sepak di stadium, tetapi di Malaysia ia masih jarang berlaku. Sebab itu kita mahu pastikan akses lengkap dan baik, bermula daripada parkir hingga ke tempat duduk.

"Sebagai contoh, pengguna kerusi roda tidak boleh ditempatkan di belakang penonton lain sehingga pandangan mereka terhalang. Ini standard yang kita mahu capai," katanya

pada 23 Ogos.

Danial yang juga wakil rakyat Batu Tiga berkata walaupun lakaran akhir stadium belum dimuktamadkan namun MBI memberi jaminan elemen mesra OKU turut diambil kira.

"Dalam jawatankuasa kami, ada seorang ahli khusus memantau aspek 'universal design'. Perbincangan dibuat dengan MBI dan mereka telah memasukkan cadangan-cadangan tersebut.

"Masih ada aspek yang perlu ditambah baik. Ini usaha berterusan kami, bukan hanya untuk Stadium Shah Alam, tetapi juga projek pembangunan lain," katanya.

Mais salur RM19.4 juta tahun lalu

Bimbing 15,288 asnaf riqab

SHAH ALAM - Sejumlah RM19.4 juta disalurkan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) untuk membimbing 15,288 golongan asnaf riqab yang memerlukan bantuan pemulihan, perlindungan, rawatan dan pencegahan pada tahun lalu.

Agensi itu berkata peruntukan disalurkan melalui zakat asnaf riqab dan digihkan menerusi sumbangan geran pemulihan kepada Rumah Pemulihan Riqab, Program Kursus dan Latihan Asnaf Riqab, Perkhidmatan Pembimbing Riqab serta Sumbangan Kebajikan Asnaf Riqab.

"Program pemulihan dan pencegahan dilaksanakan di tiga Rumah Pemulihan Majlis dan 26 Rumah Pemulihan Riqab di bawah Mais yang berperanan membantu pemulihan mereka yang dibelenggu masalah sosial dan akidah sehingga menghalang mereka menjalani kehidupan sempurna sebagai Islam.

"Bagi tahun ini, RM18.4 juta diperuntukkan dan sehingga Jun lalu, Mais

menyantuni 2,160 golongan asnaf riqab di negeri ini melalui bimbingan serta bantuan kebajikan.

"Sehingga kini, 168 orang Pembimbing Al Riqab telah dilantik bagi membantu mereka kembali ke jalan benar dan diredai," maklumnya menerusi kenyataan.

Menurutnya, asnaf riqab merujuk kepada individu yang terbelenggu dengan masalah sosial dan akidah seperti penagihan dadah, sumbang mahram, lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT), orang Islam yang terpesong agama, terbelenggu dengan masalah syirik dan khurafat, serta lain-lain pecahan jenis asnaf Riqab mengikut fatwa pada 2012.

"Bagi memperkukuhkan inisiatif pemulihan serta memberi peluang umat Islam mendekati golongan asnaf riqab, Mais menganjurkan Kempen Bulan Pembebasan Al Riqab 2025 dari 1 hingga 31 Ogos 2025 bagi tujuan mem-

berikan informasi terkini berkaitan pemulihan asnaf Al-Riqab di Selangor.

"Pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan sepanjang kempen berlangsung antaranya Forum Riqab, Ceramah Informasi Asnaf Riqab, Program Bimbingan Asnaf Riqab, Kaunter Penerangan Riqab, Ihtifal Amal Islami Rumah Pemulihan Riqab dan Seminar Riqab Negeri Selangor," ujarnya.

Mais menegaskan, sebagai pihak berkuasa utama dalam pengurusan hal ehwal Islam di Selangor, ia bertanggungjawab melaksanakan program kesedaran dan pemulihan melibatkan masalah sosial serta akidah.

"Penganjuran kempen ini diharapkan dapat menyediakan ruang serta maklumat kepada umat Islam untuk lebih dekat mengenali asnaf riqab dan memahami cabaran yang dihadapi golongan itu, selain meningkatkan kesedaran terhadap isu akidah serta gejala sosial masa kini," katanya.

Agro pelancongan tarik pengunjung

SHAH ALAM - Produk agro pelancongan seperti Selangor Fruit Valley (SFV), Ladang Farm Fresh dan HL Dragon Fruit Farm mendapat sambutan luar biasa sempena Tahun Melawat Selangor 2025.

Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Selangor Chua Yee Ling berkata tawaran pengalaman unik yang menggabungkan rekreasi dengan aktiviti pertanian menjadikan produk agro pelancongan pilihan utama keluarga.

"Ikut rekod melalui pameran seperti Selangor Travel Fair, produk pelancongan agro mencatat jualan tertinggi. Ia disukai pelancong tempatan kerana pakej keluarga yang ditawarkan menarik minat mereka.

"Pakej ini amat sesuai untuk percutian hujung minggu, memberi ruang keluarga beriadah sambil menikmati buah-buahan segar di ladang seperti SFV dan HL Dragon Fruit," katanya pada 20 Ogos.

Dengan kunjungan 4.1 juta pelancong setakat Julai, beliau turut memaklumkan Subang Jaya kini lokasi paling banyak menerima kedatangan pelancong antarabangsa, khususnya dari China.

"Pelancong China banyak membeli pakej lawatan ke Subang melalui pameran Pavilion Selangor di luar negara. Pusat beli-belah Sunway Pyramid dan Taman Tema Splash Mania menjadi tarikan utama," ujarnya.



Selamat Hari Kebangsaan Ke-68

*“Mara bersama. Semangat senegara.
Semangat Malaysia!”*



مجلس فوڤنڊارن سلاڤڠ
Majlis Perbandaran Selayang

Tulus Ikhlas Daripada,

Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua,
Ahli-ahli Majlis, Kakitangan dan
Seluruh Penduduk Perbandaran Selayang

KITASELANGOR



SELAMAT HARI KEBANGSAAN KE-68

“Mara bersama, semangat senegara, semangat Malaysia!”

Daripada

Pengarah Urusan, Ahli Lembaga Pengarah
serta Warga Kerja KDEB Waste Management
dan Anak-Anak Syarikat



www.kdebwm.com



NAJWAN HALIMI
Kota Anggerik

mengedar Jalur Gemilang
sempena sambutan Hari
Kebangsaan di Shah Alam



PAPPARAI DU VERAMAN
Banting

menyerahkan bendera kepada
wakil Jabatan Kebajikan
Masyarakat di Kuala Langat



DATUK WIRA JOHAN ABD AZIZ
Semenyih

merasmikan Program Rihuh
Sekampung anjuran JPKK
Batu 16 di Hulu Langat



PANG SOCK TAO
Kuala Kubu Bharu

mengagih Jalur Gemilang
kepada peniaga di
kawasan DUN beliau



AZMIZAM ZAMAN HURI
Pelabuhan Klang

memeriahkan karnival perpaduan
sempena sambutan 50 tahun
kawasan rukun tetangga di Klang



MARIAM ABDUL RASHID
Meru

memberi bendera Malaysia
kepada peniaga pasar pagi
pekan Kapar, Klang



ABBAS AZMI
Seri Serdang

menyampaikan bendera sempena
Jelajah Karnival Rahmah di dewan
serbaguna Batu 14, Subang Jaya



**SYED AHMAD ABDUL
RAHMAN ALHADAD**
Lembah Jaya

menyerahkan Jalur Gemilang
kepada wakil komuniti
di pejabat DUN beliau

Selamat Hari Kebangsaan

“Mara bersama, Semangat
senegara, Semangat Malaysia”

Ke



Tulus Ikhlas Daripada
Ahi Lembaga
Pengarah, Pengurusan
Serta Kakitangan



MediaSelangor

f @ X in d MediaSelangor



Pascabayar Maxis

Tawaran Terhad Eksklusif untuk Penjawat Awam



Telefon 5G
Percuma



Rebat sehingga
RM480



Untuk maklumat lanjut,
imbas di sini:



Tertakluk pada terma & syarat